

KHAMIS • 26.10.2016

ekonomi@utusan.com.my

UTUSANBIZ

Unit Berita Ekonomi

44, Jalan Utusan,
Melalui Jalan Chan Sow Lin,
55200, Kuala Lumpur.
E-mel: ekonomi@utusan.com.my
Twitter: @utusanbiz
Laman web: www.utusan.com.my

Ketatkan syarat kad kredit

Harapan BAJET 2018

Oleh ZUNAIDAH ZAINON
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 25 OKT.

KERAJAAN disaran mengatatkan syarat mendapatkan kemudahan kad kredit dalam Bajet 2018 supaya rakyat Malaysia tidak terpengaruh dengan budaya berhutang dan gaya hidup mewah yang berlebih-lebihan.

Pensyarah Kanan Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff** berkata, budaya berhutang menggunakan kad kredit perlu dipandang serius kerana ia menyebabkan seseorang berbelanja melebihi kemampuan.

Katanya, langkah mengatatkan syarat mendapatkan kemudahan kad kredit amat penting kerana sebahagian besar masyarakat mudah tertarik dengan apa yang dipaparkan di media sosial dan tindakan rakan-rakan serta keluarga meletakkan barangan berjenama sebagai simbol status dalam masyarakat.

"Kerajaan juga perlu mencari jalan supaya kempen kesedaran secara berterusan dijalankan me-



Alternatif gaya hidup yang mapan juga amat digalakkan seperti menyewa rumah bukannya membeli, membeli kereta terpakai atau pakej perkahwinan yang berpatutan."

AHMED RAZMAN ABDUL LATIFF
Pensyarah Kanan Putra Business School, Universiti Putra Malaysia

libatkan semua pihak termasuk swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agar dapat mengubah gaya hidup rakyat, tidak terikut-ikut dengan trend semasa yang bersifat kebendaan.

"Alternatif gaya hidup yang mapan juga amat digalakkan seperti menyewa rumah bukannya membeli, membeli kereta terpakai atau pakej perkahwinan yang berpatutan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Najib Tun Razak akan membentangkan Bajet 2018 di Parlimen,

Jumaat ini.

Berdasarkan maklumat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), daripada 516,000 peserta AKPK dalam tempoh 10 tahun sehingga Disember lalu, sebanyak 15 peratus berumur di bawah 30 tahun manakala 39 peratus di antara 31 hingga 40 tahun dan 46 peratus berumur 41 tahun ke atas.

Kaji selidik AKPK itu menunjukkan sebanyak 49.3 peratus responden mempunyai perancangan kewangan yang lemah, diikuti kegagalan dalam perniagaan (15.2 peratus), kos sara hidup tinggi (12.3 peratus), per-



Malaysia adalah antara negara di rantau ASEAN selain Singapura, yang masih mempunyai kadar cukai pendapatan dan korporat yang tinggi walaupun melaksanakan cukai barang dan perkhidmatan (GST)."

AGIL FAISAL AHMAD FADZIL
Presiden Generasi Muda Berjaya

belanjaan perubatan yang tinggi (10.9 peratus) dan kehilangan pekerjaan (9.5 peratus).

Sementara itu, Presiden Generasi Muda Berjaya (GMB), **Agil Faisal Ahmad Fadzil** pula berharap kerajaan menilai semula insentif pengurangan cukai pendapatan bagi mereka yang bekerja atau menjalankan perniagaan.

Beliau berkata, Malaysia adalah antara negara di rantau ASEAN selain Singapura, yang masih mempunyai kadar cukai pendapatan dan korporat yang tinggi walaupun melaksanakan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

"Kerajaan juga disaran memberi beberapa kelonggaran kepada golongan peniaga, antaranya tidak mengenakan sebarang caj kepada mereka yang mahu menutup syarikat tidak lagi aktif.

Kos menutup syarikat tinggi sehingga ada peniaga tidak mampu berbuat demikian menyebabkan mereka didenda dan pengarah syarikat disenaraihitamkan," katanya.

Beliau turut berharap syarikat-syarikat yang mengambil pekerja ditamatkan perkhidmatan diberi insentif dan pelepasan cukai.

➔ **KUALA LUMPUR**
(Indeks Komposit)
(+2.91) mata
1,739.05

➔ **SINGAPURA**
(Straits Times)
(+8.09) mata
3,342.76

➔ **TOKYO**
Nikkei
(-97.55) mata
21,707.62

➔ **NEW YORK**
Nikkei
(+167.80) mata
23,441.76

TUKARAN MATA WANG ASING

25.10.17

🇺🇸 **DOLAR**
4.2335/2355

🇬🇧 **POUND**
5.5776/5820

🇪🇺 **EURO**
4.9816/9848

🇲🇪 **RIYAL (100)**
112.8843/9437

🇯🇵 **YEN**
3.7090/7118

🇲🇻 **DOLAR**
3.1046/1075

🇮🇩 **RUPIAH (100)**
0.0312/0312

